

Wanita jangan diketepikan

KUALA LUMPUR 25 Mac — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad meminta pemimpin-pemimpin Barisan Nasional (BN) supaya tidak menyetepikan peranan wanita dalam menghadapi pilihanraya umum kali ini.

Pengerusi BN itu menjelaskan, wanita merangkumi kira-kira 50 peratus daripada masyarakat negara ini dan mereka memainkan peranan yang amat penting bagi menjayakan matlamat BN.

Menurutnya, undi daripada golongan wanita adalah penting bagi mempengaruhi keputusan pilihanraya.

“Kita tidak boleh lupa, wanita mempunyai hak yang sama dengan lelaki dan undi mereka juga amat penting,” kata Perdana Menteri semasa berucap mengulung Konvensyen BN 1995 di sini hari ini.

Oleh itu, tegasnya, para pemimpin parti BN hendaklah sentiasa menghargai peranan wanita, pemimpin-pemimpin wanita dan juga perayu-perayu undi yang terdiri daripada wanita.